
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

IWK 304 – Pengeluaran Perabot

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **EMPAT** (4) dari lima soalan yang disediakan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Terdapat beberapa kecacatan kayu yang boleh mempengaruhi hasil pembuatan dan kemasiapan sesuatu perabot. Senaraikan 4 jenis kecacatan kayu dan terangkan bagaimana ianya boleh mempengaruhi hasil pembuatan dan kemasiapan perabot.

(25 markah)

2. Pembuatan tanggam bergantung kepada jenis perabot yang ingin dihasilkan. Senaraikan 2 jenis tanggam; yang mana salah satu akan melibat kekuatan terhadap produk tersebut dan satu lagi tidak melibatkan kekuatan kepada produk. Lakarkan kedua-dua jenis tanggam yang anda pilih.

(25 markah)

3. Di dalam pemesinan kerja kayu, anda ingin memotong melengkong atau garisan yang tidak tetap. Apakah jenis mesin gergaji yang akan digunakan? Namakan bahagian mesin gergaji yang anda pilih dan terangkan fungsinya. Bagaimanakah caranya untuk menentukan saiz mesin gergaji tersebut?

(25 markah)

4. Terangkan kepentingan parameter ergonomik dalam penghasilan pembuatan perabot.

(25 markah)

5. Kemasiapan menentukan kecantikan akhir bagi sesebuah perabot. Terangkan kemasiapan kayu jenis kompleks (Complex wood finish).

(25 markah)